

Cadangan Garis Panduan Kebebasan Bersuara di Media Sosial Menurut Perspektif Islam *Proposed Guidelines for Freedom of Speech on Social Media According to Islamic Perspective*

Ahmad Syakir Mohd Nor Ilman[✉] & Zuliza Mohd Kusrin
Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Kewujudan media baharu memberi kemudahan kepada individu dalam menyuarakan pendapat ataupun kebebasan bersuara di pelbagai ruangan komen di media sosial. Namun, terdapat komen yang dilontarkan berbentuk negatif, komentar netizen yang kasar dan tidak selari dengan Islam. Keadaan sedemikian cenderung mencetuskan pergaduhan sesama pengguna media sosial. Objektif kajian ini menganalisa konsep kebebasan bersuara menurut Islam serta membuat pemerhatian terhadap amalan kebebasan bersuara di media sosial melalui medium *Facebook*. Metodologi kajian adalah kualitatif iaitu dengan kaedah analisis dokumen-dokumen seperti al-Qur'an, hadith, buku-buku dan artikel jurnal. Pemerhatian terhadap pengguna media sosial difokuskan kepada laman sesawang *Facebook*. Data terkumpul dianalisis secara tematik dan dipersembahkan mengikut tema-tema bersesuaian. Hasil kajian mendapati bahawa kebebasan bersuara ini tidak mutlak dan terhad sepertimana perbahasan dalam usul fiqh dan kaedah fiqh, selari dengan tuntutan Islam. Pemerhatian yang dijalankan juga mendapati bahawa terdapat amalan kebebasan bersuara oleh netizen yang bercanggah dengan Islam kerana terdapat penggunaan kata-kata kesat seperti bangang, 'buto' dan bodoh, serta perkataan yang berbentuk negatif seperti sindiran, fitnah dan lain-lain. Implikasi kajian ini mencadangkan suatu garis panduan kebebasan bersuara menurut Islam sebagai panduan komunikasi yang lebih harmoni dalam kalangan masyarakat.

KATA KUNCI

Kebebasan Bersuara, Netizen, Media Sosial, Islam, *Facebook*

ABSTRACT

The existence of new media provides convenience for individuals in voicing opinions or freedom of speech in various comment sections on social media. However, there are comments that are negative, netizen comments that are rude and not in line with Islam. Such situations tend to trigger fights among social media users. The objective of this study is to analyze the concept of freedom of speech according to Islam and to make observations on the practice of freedom of speech on social media through the medium of Facebook. The study methodology is qualitative, namely by analyzing documents such as the Qur'an, hadith, books and journal articles. Observations on social media users are focused on the Facebook website. The collected data is analyzed thematically and presented according to appropriate themes. The results of the study found that this freedom of speech is not absolute and limited as discussed in *the usul fiqh* and *methodology of fiqh*, in line with the demands of Islam. The observations conducted also found that there are practices of freedom of speech by netizens that contradict Islam because there is the use of abusive words such as *bangang*, 'buto' and *bodoh*, as well as negative words such as sarcasm, slander and others. The implications of this study suggest a guideline for freedom of speech according to Islam as a guide to more harmonious communication within society.

KEYWORDS

Freedom of Speech, Netizen, Social Media, Islam, Facebook

Article History

Received: Sep 29, 2025
Revised: Mei 18, 2026
Accepted: Jun 3, 2026
Published: Jun 15, 2026

✉ Contact

Ahmad Syakir Mohd Nor Ilman
(Corresponding Author)
syakir.skkd@gmail.com

Citation

Ahmad Syakir Mohd Nor Ilman
& Zuliza Mohd Kusrin. 2026
Cadangan Garis Panduan
Kebebasan Bersuara Oleh
Netizen Di Media Sosial
Menurut Perspektif Syarak.
*Journal of Contemporary
Islamic Law*. 11(1): 126-136

Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a
Creative Commons Attribution-
Non-Commercial 4.0
International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Dewasa ini, kewujudan dan penggunaan media baharu telah memberi impak kepada diri pengguna, masyarakat dan negara. Di samping mempunyai pelbagai impak positif kewujudan media baharu seperti media sosial juga boleh mendatangkan impak negatif sekiranya berlaku penyalahgunaan terhadap media. Penyalahgunaan media sosial ini dapat mewujudkan isu-isu seperti jenayah siber, kebebasan bersuara tanpa batasan, penyebaran maklumat palsu, fitnah, provokasi, isu agama dan sebagainya (Hamizi 2023).

Media sosial merupakan salah satu bentuk teknologi yang digunakan oleh masyarakat kini dalam kehidupan seharian untuk berinteraksi antara satu sama lain, menjadi medium penting dalam kehidupan seharian masyarakat serta memudahkan urusan peribadi ataupun pekerjaan. Penggunaan media sosial bersifat menyeluruh di mana ia digunakan di setiap peringkat umur sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun warga emas (Hamizi 2023). Media sosial yang menjadi pengantara atau penghubung pada masa kini memainkan peranan yang sangat penting dalam menyuarakan pandangan dan pendapat masing-masing. Ini berkait dengan kebebasan bersuara terhadap seseorang itu dalam melontarkan kata-kata atau komen di dalam media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*.

Islam mengiktiraf beberapa hak kebebasan manusia tanpa mengira agama yang mereka anuti. Antaranya ialah kebebasan bersuara bagi individu, pemimpin dan masyarakat dalam hal-hal yang berkaitan dengan akidah dan syariat Islam. Walau bagaimanapun, ia hendaklah mengikuti batas-batas syariat dan tidak memberi kesan negatif kepada umat Islam dan agama Islam itu sendiri (Mahmood et al., 2010). Kebebasan bersuara ini juga merupakan salah satu cara untuk mengkritik atau menegur kesalahan-kesalahan yang berlaku sehingga berleluasa di media sosial. Perbuatan ini selari dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Imran, 3:104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ؕ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Hukum bersuara untuk menegakkan keadilan sama ada bagi pemimpin ataupun golongan yang dipimpin adalah wajib. Ini kerana ia termasuk dalam konsep *al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar* (menyeru kepada kebenaran dan mencegah daripada kemungkaran) yang disyariatkan oleh Islam untuk semua individu yang bergelar Muslim mukallaf (Mahmood et al. 2010).

Walaupun bagaimanapun kewujudan media sosial dalam masyarakat kini mempunyai impak dan pengaruhnya yang tersendiri sama ada positif mahupun negatif. Impak positif dan negatif yang wujud daripadanya bergantung kepada kebijaksanaan pengguna itu sendiri dalam mengendalikannya. Bahkan isu-isu yang wujud melalui penggunaan media sosial seperti buli siber, penyebaran berita palsu atau maklumat palsu, bersuara secara keterlaluan, jenayah siber, ketagihan pornografi dan penggunaan tanpa kawalan adalah cabaran yang perlu dihadapi dengan kewujudan media sosial (Hamizi 2023).

Setiap rakyat Malaysia diberi hak dan kebebasan untuk bersuara dan menyatakan pendapat, namun ia perlu dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab dan bukannya dengan menghina atau merendahkan mana-mana pihak atau kelompok masyarakat. Contohnya kenyataan yang menghina agama bukanlah suatu bentuk kebebasan tetapi ia suatu bentuk pencerobohan kepada kemuliaan dan sensitiviti pihak lain. Ini menunjukkan bahawa perbuatan menghina agama adalah bertentangan dengan hak kebebasan bersuara yang sepatutnya (Ahmad 2023). Oleh itu pemahaman rakyat Malaysia terhadap hak kebebasan bersuara dengan menyatakan kebebasan mereka untuk mengutuk, memfitnah, mengumpat dan membuli secara beramai-ramai di alam maya adalah satu persepsi yang perlu ditangkis sebelum menjadi semakin parah dengan keberanian sesetengah golongan menjadi 'hero' di sebalik tabir (Ariyanti 2024). Hal sedemikian adalah tidak beretika dan bertentangan dengan budaya dan ajaran agama Islam dan juga agama-agama lain.

Isu penggunaan media sosial secara tidak beretika ini telah mendapat perhatian Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj yang menzahirkan rasa kecewa baginda apabila membaca komen-komen keterlaluan dalam kalangan netizen di media sosial, yang mengeluarkan ayat-ayat berunsur fitnah, cacian dan hasad dengki. Baginda telah bertitah ketika majlis pelancaran Masjid Diraja Masjid Raja Lumu (Norzilawati 2022).

"Sejak kebelakangan ini, kemunculan gejala fitnah-fitnah dan berita-berita palsu yang semakin berleluasa telah menyebabkan ketegangan di antara kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat kita. Beta tidak mahu gejala-gejala seumpama ini terus menular sehingga boleh menjejaskan keharmonian rakyat dan kekuatan perpaduan untuk jangka masa panjang."

Perkara tersebut menunjukkan bahawa komen netizen di media sosial telah menjadi isu hangat dibicarakan dan menjadi polemik dalam menentukan kebenaran dalam kebebasan bersuara. Tambahan pula penggunaannya juga semakin meningkat. Malah aspek negatif melibatkan buli siber dalam kalangan rakyat Malaysia menunjukkan peningkatan sangat membimbangkan. Menurut kajian *Microsoft Global Youth Online Behaviour Survey* pada tahun 2012, Malaysia menduduki tangga ke-17 daripada 25 negara

yang dikaji melibatkan isu buli siber. Statistik pada tahun 2020 yang diperoleh daripada Bernama menunjukkan Malaysia menduduki tempat kedua di rantau Asia bagi kes buli siber. Penggunaan akaun palsu dalam kalangan pembuli siber dengan mendapat 'like' dan sokongan berupa komen daripada pembuli siber lain telah menyebabkan aktiviti itu menjadi semakin agresif di alam maya dan meninggalkan impak depresi yang boleh mengancam kesihatan mental sehingga menyebabkan mangsa terdorong untuk membunuh diri. Lebih membimbangkan, infografik daripada akhbar di Malaysia menunjukkan isu buli siber dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada hari ini lebih didominasi oleh golongan belia dan golongan pertengahan berusia 25 sehingga 40 tahun (Ariyanti 2024).

Komen buruk, kotor dan melampau daripada pengguna media sosial terhadap hantaran di media sosial dari Malaysia jelas memaparkan kelemahan kefahaman komunikasi silang dan rentas budaya. Hal ini secara tidak langsung telah menonjolkan kegagalan negara membentuk generasi muda untuk memahami etika dan tatasusila berkomunikasi dalam media sosial yang bersifat silang dan rentas budaya. Oleh itu, generasi muda dan masyarakat perlu dididik dengan tatasusila dan etika berkomunikasi di media sosial. Garis panduan dan mungkin peraturan berkaitan penggunaan media sosial ini boleh diperkemas dalam menekankan kepada larangan daripada merujuk kepada penggunaan bahasa kesat, kelucuan melampau, memalukan fizikal (*body shaming*), kata nista, carutan dan cacian yang menjatuhkan maruah seseorang di hadapan masyarakat. Generasi muda perlu dididik seawal dari rumah supaya terus mengamalkan tatasusila budaya timur masyarakat Malaysia yang terkenal dengan budi bahasa dan kesantunannya (Megat Al Imran 2020).

Jelas bahawa isu-isu yang berbangkit berkaitan komen netizen yang melampau dengan penggunaan kata-kata kesat, kotor dan berbaur fitnah kian menjadi barah terhadap pengguna media sosial di Malaysia. Ini menunjukkan netizen terlalu bebas dalam menyuarakan pandangan di ruangan komen dalam media sosial. Oleh itu kajian ini menfokuskan kepada konsep kebebasan bersuara menurut Islam, aplikasi usul fiqh dalam isu kebebasan bersuara di media sosial serta cadangan garis panduan penggunaan kebebasan bersuara di media sosial.

Konsep Kebebasan Bersuara Menurut Al-Quran & Al-Hadith

Secara umumnya kebebasan bersuara (*Hurriyat al-Ra'y*) atau kebebasan memberi pandangan adalah kaedah utama digunakan untuk menyuarakan pandangan dengan menggunakan pelbagai medium seperti media sosial, akhbar dan penulisan artikel. Namun kebebasan dalam memberi pandangan tanpa limitasi perundangan berasaskan undang-undang sivil atau hukum Islam boleh membawa kepada pergolakan. Hukum Islam meletak limitasi dalam

kebebasan bersuara seperti tidak mengeluarkan pandangan berbaur kejian, provokasi, menghina dan mengeluarkan perkataan yang bersifat perkauman sebagai langkah mengelak daripada kemudaratan yang boleh menggugat keharmonian dalam kalangan masyarakat (Ariyati, 2024). Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa', 4:148:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوِّءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلِمَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Ayat itu secara jelas menunjukkan larangan Allah SWT terhadap umat Islam dalam mengeluarkan perkataan, tulisan atau perbuatan mendorong kepada kejahatan. Kebebasan bersuara di *Whatsapp*, *Facebook*, *Tik Tok* dan *Instagram* semakin membimbangkan apabila ia menjadi medan terbuka menghantar pandangan berbaur fitnah dan kejian tanpa ambil kira sensitiviti terhadap individu atau organisasi tertentu serta kesan dari sudut hukum Islam. Situasi ini menyimpang daripada Maqasid al-Syariah yang memperuntukkan kepentingan menjaga kemaslahatan manusia dengan berasaskan pendekatan 'amar ma'ruf nahi munkar' (seruan melakukan kebaikan dan menjauhi perkara yang membawa kerosakan) dan tabayyun (selidik) sebelum menyuarakan sesuatu perkara (Ariyati 2024).

Kebebasan bersuara tersebut tidak mutlak kerana kehidupan manusia harus terikat dengan peraturan serta nilai-nilai tertentu. Islam menyediakan ruang untuk kebebasan bersuara selagi pelaksanaannya tidak bertentangan dengan hukum syarak (Mahmood et al. 2010). Hal ini juga sudah wujud pada zaman Rasulullah SAW terhadap hak kebebasan bersuara oleh masyarakat pada zaman tersebut. Contoh hadith yang berkait dengan kebebasan bersuara adalah tentang peristiwa membaca surah al-Ikhlash selepas membaca satu surah yang lain pada setiap kali mengerjakan solat. Dalam hadis Riwayat al-Bukhari dijelaskan daripada Anas bin Malik R.A. maksudnya:

"Bahawa Rasulullah SAW telah mengutuskan seorang lelaki daripada kaum Ansar sebagai pemimpin dalam masjid Quba'. Dalam mengerjakan solat berjemaah, beliau (menjadi imam) dan selalu membacakan al-Quran untuk (dihayati oleh) para sahabatnya lalu mengakhiri dengan bacaan surah al-Ikhlash (pada setiap kali mengerjakan solat). Apabila mereka kembali, perkara tersebut telah dilaporkan kepada Rasulullah SAW, lalu baginda bersabda: "Mintalah penjelasan daripadanya kenapa beliau berbuat demikian?". Mereka pun bertanyalah kepada sahabat berkenaan lalu beliau menjawab: "Karena surah tersebut (mengandung) penjelasan berkenaan) sifat Allah SWT, sebab itulah saya berasa kasih untuk sentiasa membacanya". Lantas Rasulullah SAW pun

bersabda: "Beritahukanlah kepada beliau bahwa Allah mengasihinya". (Riwayat Bukhari)

Hadith di atas menunjukkan bahwa sahabat Nabi pada waktu itu menyuarakan pandangan mereka dengan mempersoalkan perbuatan pemimpin mereka yang mengakhiri setiap solat dengan bacaan Surah al-Ikhlâs. Namun, Rasulullah SAW tidak menghalangnya daripada melakukan perbuatan itu, Jelas menunjukkan bahwa setiap individu berhak menyatakan pandangan ataupun bebas bersuara demi kemaslahatan bersama dan juga keharmonian sesama masyarakat.

Sheikh Rabi^c (1427H) dalam kitabnya *Huriyyah al-Ra'y* berkata bahawa kebebasan sebenar adalah dalam Islam iaitu agama Allah SWT yang mutlak. Ini mendorong manusia bertindak keluar daripada kezaliman kepada cahaya, iaitu dari kezaliman kejahatan, kekufuran, syirik dan akhlak yang buruk terhadap cahaya Islam yang terkandung dalam tauhid. Menurut Sheikh Rabi^c juga kebebasan bersuara dalam Islam ialah bersuara dengan cermat dan selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, 33:70-71:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا. يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ.

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu.

Melihat kepada ayat al-Quran; (وقولوا قولا سديدا), apa yang terkandung di dalam perintah Allah SWT adalah untuk mengawal perkataan yang bercanggah dengan kekacauan demokrasi yang membolehkan seseorang untuk berkata apa sahaja yang dikehendaki atas nama kebebasan bersuara, walaupun ia menghina para nabi dan mengejek mereka (Sheikh Rabi^c, 1427H). Hadith daripada Abi Hurairah R.A. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

Barangsiapa yang beriman dengan Allah SWT dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau diam. (al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. Sahih Bukhari. Kitab Al-Adab, Bab Ikram al-Dhaif wa Khidmatuhu Iyahu Binafsihi, no 6135 & Riwayat Muslim, Ibn Hujaj Abu al-Hasan. 1431H. Sahih Muslim. Kitab al-Luqatah. Bab ad-Diyafah wa Nahwuha, no 47.)

Konsep Kebebasan Bersuara Menurut Ulama

Ulama klasik umumnya telah membincangkan berkaitan kebebasan bersuara dalam konteks *amar ma'ruf nahi mungkar* (menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran). Menurut Imam al-Ghazali (1437H) dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, menyampaikan kebenaran adalah kewajiban setiap

muslim seiring dengan konsep *amar ma'ruf* tersebut, tetapi harus dilakukan dengan hikmah (kebijaksanaan) dan cara yang baik. Beliau juga menekankan pentingnya menjaga keharmonian sosial dan tidak menimbulkan fitnah. Menurut Ibnu Taimiyah (1995) pula dalam kitab *Majmu' al-Fatawa*, kebebasan bersuara harus seimbang dengan menjaga masalah (kepentingan umum) dan tidak menimbulkan mudarat (kerusakan) yang lebih besar. Beliau juga berkata bahawa orang yang berdiam diri tentang kebenaran adalah syaitan yang bisu. Ini menunjukkan bahawa kebebasan bersuara dibolehkan kepada semua orang bagi mencegah kemungkaran serta menyuruh kepada kebaikan

Ulama kontemporari juga telah membincangkan berkaitan kebebasan bersuara dalam konteks moden, termasuk media sosial. Sheikh Wahbah al-Zuhaili (2011) telah menegaskan bahawa Islam mengiktiraf hak bersuara sebagai hak kepada manusia secara individu, tetapi ia mesti digunakan dengan penuh tanggungjawab dan tidak boleh membawa kepada fitnah atau ketidakstabilan. Menurut Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi (1997) kebebasan untuk mengatakan atau mengkritik sesuatu itu digalakkan dengan syarat mengutamakan kepentingan masyarakat Islam dan menegakkan akhlak, adab, *amar ma'ruf nahi mungkar*. Wajib mengucapkan perkara-perkara yang hak, tanpa ragu-ragu dan takut menerima kritikan. Beliau juga berkata, manusia yang terjebak dalam dosa, akan menjadi penghuni neraka disebabkan perkataannya yang menyebabkan penderitaan, permusuhan dan perbalahan. Bahkan kebanyakan peperangan berlaku disebabkan oleh lidah yang tajam, menusuk hati, menyinggung perasaan dan kehormatan. Allah SWT telah berfirman dalam Surah Qaf, 50:16-18:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعَلْنَاهُ مَا تُوسُّوسُ بِهِ نَفْسُهُ وَخَنَّا أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ. إِذْ يَتَلَقَّى الْمُتَلَقِّيَانِ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ قَعِيدًا. مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ.

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya, Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya; yang satu duduk di sebelah kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).

Dalam aspek pentadbiran pula al-Muhaimi (1987) telah merumuskan hukum kebebasan bersuara di dalam Islam didukung melalui asas-asas syura, nasihat, ketaatan kepada pemerintah, dasar kerajaan menyediakan keamanan dari ketakutan dan kebuluran, *amar ma'ruf nahi mungkar* dan semangat jihad

menentang kezaliman. Mohamad Hashim Kamali (1994) pula meletakkan asas-asas kebebasan bersuara melalui *hisbah*, nasihat, syura, ijtihad dan hak untuk mengkritik pemimpin. Walaupun ianya bermula dengan pentadbiran negara, namun implikasinya adalah positif bagi memastikan rakyat yang diperintah terdidik dengan cara menyatakan pandangan atau kebebasan bersuara berlandaskan peraturan negara dan agama.

Aplikasi Usul Fiqh Dalam Isu Kebebasan Bersuara Di Media Sosial

Terdapat empat kaedah usul fiqh berkaitan kebebasan bersuara iaitu *Sadd al-Dharai'*, *Istihsan*, *al-Maslahat al-Mursalah* dan Maqasid Syariah.

Pertamanya, *Sadd al-Dharai'*. Menurut al-Qurtubi (t.t.), *Sadd al-Dharai'* ialah perkara yang pada asalnya tidak ditegah melakukannya, namun sekiranya ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan, maka ia ditegah dari melakukannya. Hal ini bagi memastikan akibat sesuatu tindakan tidak membawa kemudharatan walaupun pada zahirnya adalah diharuskan. Kebebasan bersuara adalah hak setiap orang, tetapi jika disalah guna, perlu kepada kawalan had peraturan. Sebagai contoh, membenarkan ucapan kebencian di media sosial boleh membawa kepada pergaduhan antara kaum atau fitnah. Oleh itu, bagi mengelakkan kemudharatan yang mungkin terjadi, kawalan had peraturan dalam kebebasan bersuara ini perlu dilaksanakan supaya tidak disalah guna oleh individu tertentu.

Kedua, *Istihsan* menurut Dr Abdul Karim Zaidan (2006), boleh dirumuskan sebagai beralih daripada hukum yang seumpamanya dalam suatu permasalahan kepada hukum yang berlawanan dengannya bagi memberikan keringanan dan kemaslahatan yang menjadi objektif syarak. Peralihan ini menunjukkan wujudnya kesukaran jika hukum yang seumpamanya itu diguna pakai (Al-Bāḥusayn 2007). Contohnya, keharusan dalam menyatakan pendapat di mana-mana aplikasi media sosial oleh semua pengguna media sosial. Namun boleh untuk disekat jika terdapat *mafsadah* atau keburukan yang berlaku dari kalangan pengguna media sosial yang melontarkan suara di ruangan komen dan sebagainya.

Ketiga, *al-Maslahat al-Mursalah* dengan kebebasan bersuara boleh dikaitkan dengan dunia digital, banyak situasi yang tidak mempunyai nas langsung kerana ia adalah fenomena baru. Maka, *al-Maslahat al-Mursalah* berfungsi sebagai pendekatan penting untuk menilai kebebasan bersuara yang berlaku dalam media sosial. Sebarang bentuk perkara yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada manusia serta dalam masa yang sama ia menghalang keburukan dan kemudharatan ke atas diri mereka, adalah dianggap sebagai masalah (Muhammad Fahmi 2018). Contoh pendekatannya adalah menghadkan kebebasan bersuara demi mengelakkan mudarat yang besar. Sekiranya kebebasan bersuara disalahgunakan untuk menyebarkan kebencian,

hasutan, atau memecahbelahkan masyarakat, maka *masalah mursalah* boleh digunakan untuk menetapkan batasan seperti larangan terhadap ucapan yang mendorong kepada keganasan dan menyaring maklumat palsu yang boleh mencetuskan panik atau kerugian. Ini bertujuan untuk menjaga *masalah 'ammah* (kepentingan awam), dan mencegah *mafsadah* (kemudharatan).

Akhir sekali, kaitan Maqasid Syariah dengan kebebasan bersuara adalah untuk memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia. Objektif peraturan ajaran Islam adalah untuk menjaga kepentingan dan memenuhi keperluan manusia supaya mereka mencapai kejayaan di dunia serta akhirat. Bagi mencapai tujuan tersebut, syaria Islam mewajibkan keperluan *daruriyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* manusia sentiasa dijaga serta dipelihara (al-Shatibiyy 1999). Segala perintah dan larangan Allah SWT secara umumnya adalah bertujuan untuk menjaga keperluan-keperluan ini. Dalam konteks kebebasan bersuara ia adalah perkara harus kerana termasuk dalam *al-Maqasid al-Tahsiniyyat*. Tetapi boleh menjadi *Al-Maqasid al-Daruriyah* (*Hifz Din & Hifz Nafs*) yang perlu dicegah. Contohnya, fitnah dan kata-kata kesat yang dilontarkan oleh pengguna media sosial menyebabkan pergaduhan sesama masyarakat. Ini mengakibatkan masyarakat berpecah belah dan tidak bersatu.

Kaedah Fiqh Yang Mengawal Kebebasan Bersuara

Kaedah fiqh merupakan suatu kaedah umum yang bersifat menyeluruh ataupun *aghlabi* (kebiasaan), yang mana daripadanya dapat mengetahui hukum-hukum bagi cabang-cabang yang berkaitan dengannya. Terdapat beberapa kaedah-kaedah fiqh yang dapat digunakan dalam memastikan isu kebebasan bersuara ini dikawal dan memberi manfaat kepada penggunanya.

Pertama adalah kaedah *الأمر بمقاصدها* yang terdapat dalam "*Kitab al-Ashbah wa al-Nazair*" karangan Imam Suyuti (1990), bermaksud setiap perkara dikira berdasarkan tujuan (niat). Kebanyakan pengguna media sosial akan memberikan komen terhadap isu-isu hangat seperti politik. Jadi, terdapat tuduhan yang tidak berasas terhadap pemimpin negara atau ahli politik melalui akaun palsu atau penyebaran rakaman yang diubahsuai. Melalui kaedah ini, niat di sebalik kenyataan yang dilontarkan itu perlu disaring bagi mengetahui tujuan utamanya adakah untuk kebenaran atau hanya untuk melagakan dan menjatuhkan maruah seseorang itu.

Kedua pula adalah kaedah *الغاية لا تبرر الوسيلة* yang terdapat dalam "*Kitab al-Ashbah wa al-Nazair*" karangan Imam Suyuti (1990), bermaksud matlamat tidak menghalalkan cara. Kaedah ini menunjukkan bahawa sebarang tujuan dan matlamat yang baik tidak menjamin kebenaran untuk melakukan perkara yang haram di sisi syarak. Jika niatnya untuk kebenaran maka dibolehkan, akan tetapi jika sebaliknya maka syarak melarang perbuatan tersebut yang tergolong sebagai fitnah dan perlu tindakan undang-undang

dalam mengatasi isu tersebut. Oleh itu, setiap perkara yang berlaku tidak perlu di paparkan di media sosial kerana ia tidak mempunyai tujuan yang jelas serta tidak memberi manfaat kepada orang ramai.

Ketiga adalah kaedah *يزال الضرر* yang terdapat dalam “*Kitab al-Ashbah wa al-Nazair*” karangan Imam Suyuti (1990), membawa maksud kemudatan mesti dihapuskan. Kebebasan bersuara yang berlaku di media sosial kini bersifat agresif iaitu dengan penggunaan bahasa yang tidak bertapis yang ditulis pada komen, kata-kata kesat dan sebagainya. Contohnya, menghina fizikal, latar belakang atau kemampuan seseorang secara terbuka di media sosial, termasuk dalam bentuk sindiran halus (*sarcastic*) atau komen yang berbentuk ‘*trending*’. Kemudatan yang berlaku adalah terhadap kesan buli siber yang boleh menyebabkan keresakan mental dan sosial seseorang tersebut. Oleh itu, kemudatan ini jelas dan mesti dihapuskan menurut kaedah fiqh tersebut.

Analisis Komentor Netizen Di Media Sosial

Berikut merupakan analisis komen negatif berdasarkan kajian pemerhatian terhadap isu politik, agama dan moral menurut amalan kebebasan bersuara oleh netizen di media sosial melalui medium Facebook. Terdapat beberapa bentuk komen negatif yang dihuraikan secara terperinci beserta panduan menurut al-Quran dan as-Sunnah dalam menangani amalan kebebasan bersuara oleh netizen yang tidak selari dan bercanggah dengan syarak.

Jadual 1 Analisis Komentor Netizen di Media Sosial

Komentor negatif	Contoh	Panduan syarak
1) Carut/bahasa kesat	“ko la bodo pukimak” “Lahanatt lagi celakee”	Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa’, 4:148: لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوِّءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ، وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾ Maksudnya: Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterusterang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiyakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.
2) Maki cacian	“serban je atah pala tapi hati busuk serupa tahi” “pmx ko lapar bontot. Nabi x ngaku umat. Baik ko bg nasihat PADU kat pmx ko tu”	Firman Allah SWT dalam Surah al-Humazah, 104:1: وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾ Maksudnya: Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji,
3) Hina	“bual sedap. tp. otak lembab” “Muka perogol”	Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, 49:11: وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّغَابِ Maksudnya: dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu memanggil-manggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk.

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat banyak bentuk komen negatif yang menjadi amalan netizen di media sosial. Komen negatif merupakan satu tindakan yang menjatuhkan air muka sesuatu pihak yang mengandungi aspek seperti sindiran, penghinaan dan bahasa yang kesat. Gaya bahasa yang digunakan oleh netizen ini umumnya dapat menyakiti hati pendengar, sehingga komen tersebut dikatakan tidak sopan, berbaur negatif semasa mengulas isu semasa yang sensitif sehingga memberikan impak terhadap keharmonian negara. Komen yang merendahkan sesuatu pihak mampu menimbulkan perselisihan faham, memainkan emosi dan menyebabkan konflik yang berpanjangan. Jelasnya sebahagian amalan kebebasan bersuara oleh masyarakat adalah bercanggah dengan syarak kerana mereka mengikut hawa nafsu semasa melontarkan kata-kata.

Cadangan Garis Panduan Penggunaan

Islam telah menetapkan syarat-syarat serta adab-adab yang perlu diikuti oleh masyarakat muslim dalam menyatakan kebebasan bersuara di media sosial. Dapatan kajian ini mencadangkan empat belas garis panduan penggunaan kebebasan bersuara di media sosial berdasarkan dalil al-Quran dan hadith. Garis panduan ini bertujuan supaya masyarakat dapat mengamalkan hak kebebasan bersuara selari dengan syarak dan tidak mendatangkan kesan yang boleh memudaratkan hubungan sesama manusia, kaum, bangsa serta agama. Antaranya ialah tidak menyebarkan maklumat palsu atau fitnah, tidak mengumpat, tidak menggunakan bahasa kesat atau mencarut, tidak membuat sangkaan buruk terhadap seseorang, bersabar dan tidak cepat melenting, tidak melantangkan suara pada perkara yang tidak mendatangkan faedah untuk diri, bangsa dan agama, tidak mempersenda atau menghina agama lain. Seterusnya hendaklah tidak menyindir atau merendahkan sesuatu pihak, berkata benar dan bersuara dengan cermat, mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, menjaga adab dan akhlak Islam. Seseorang juga hendaklah bertanggungjawab atas setiap komen yang dilontarkan, mengelakkan perbalahan dan provokasi di media sosial dan menyemai perpaduan dan toleransi dengan orang lain. Terdapat empat belas cadangan yang boleh dijadikan panduan oleh pengguna media sosial dan juga masyarakat, seperti perbincangan seterusnya.

1. Tidak menyebarkan maklumat palsu atau menyebarkan fitnah

Masyarakat perlu memastikan bahawa setiap perkongsian berdasarkan fakta *sahih*, bukan sangkaan atau rekaan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, 49:6:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا
قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِيبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَادِمِينَ

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengetahuinya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Selain itu, janganlah berkata dusta atau berbohong supaya tidak mengundang kemurkaan daripada Allah SWT dan berlaku kekacauan di dalam masyarakat. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nur, 24:15:

إِذ تَلَقَّوْنَهُ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُمْ مَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ
عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّبًا وَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمٌ

Iaitu semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, pada hal ia pada sisi hukum Allah adalah perkara yang besar dosanya.

2. Tidak mengumpat

Pengguna media sosial hendaklah mengelakkan daripada menyebarkan tuduhan, cercaan atau maklumat peribadi orang lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, 49:12:

وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُّبُّ أَحَدُكُمْ أَن
يَأْكُلُ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ
رَّحِيمٌ

Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.

3. Tidak menggunakan bahasa kesat serta tidak mencarut

Masyarakat hendaklah menjauhi perkataan-perkataan buruk yang boleh menyakitkan hati orang lain. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa', 4:148:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوِّءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَن ظَلِمَ ۚ وَكَانَ
اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Selain itu, dalil lain iaitu firman Allah SWT dalam Surah al-Humazah, 104:1:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ

Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji

4. Tidak membuat sangkaan buruk terhadap seseorang

Pengguna media sosial hendaklah mengelakkan sangkaan buruk terhadap seseorang. Oleh itu, Perkara yang ingin disuarakan itu hendaklah kemungkaran yang zahir tanpa perlu mengintip bagi mendapatkan maklumat peribadi orang lain sehingga menimbulkan sangkaan buruk atau jahat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, 49:12:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَبْتُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ
الظَّنِّ إِثْمٌ ۚ

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa;

5. Bersabar dan tidak cepat melenting

Sifat sabar adalah penting dalam berkomunikasi walaupun di media sosial. Ia sangat membantu seseorang pengguna media sosial daripada mudah melenting sekiranya menerima kritikan awam. Oleh itu setiap kritikan perlu dibalas dengan tenang atau abaikan dengan bijak. Firman Allah SWT dalam Surah al-Muzammil, 73:10:

وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَأَهْمُزْهُمْ هَزَجًا جَمِيلًا

Dan bersabarlah terhadap apa yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu), dan jauhkanlah dirimu dari mereka dengan cara yang baik.

6. Tidak melantangkan suara pada perkara yang tidak mendatangkan faedah untuk diri, bangsa dan agama

Masyarakat hendaklah mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah seperti melantangkan suara di media sosial

hanya untuk provokasi semata-mata. Dalam hadith Riwayat al-Tirmizi dalam Sunan al-Tirmizi (4450) bahawa Nabi SAW bersabda:

من حسن الإسلام تركه ما لا يعينه

Antara yang menunjukkan keelokan Islam adalah dengan meninggalkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah untuk dirinya. (al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. Sunan al-Tirmizi. Syria: Dar al-Fikr. Hadis Gharib. No 4450.)

7. Tidak mempersenda atau menghina agama lain

Pengguna media sosial hendaklah mengelakkan sebarang komen berbentuk provokasi terhadap keagamaan dan seterusnya saling menghormati kepercayaan agama-agama lain. Hal ini kerana perbuatan mempersenda mahupun menghina agama lain adalah dilarang dalam Islam, kerana dikhuatiri akan dijadikan alasan untuk membalas semula dengan mencerca Allah SWT. Larangan tersebut dijelaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-An'aam, 6:108:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan.

8. Tidak menyindir atau merendahkan sesuatu pihak

Masyarakat perlu menjauhi kata-kata yang berbentuk sindiran kerana segala bentuk sindiran, baik dengan kata-kata yang tujuannya untuk merendahkan atau menghina orang lain adalah dilarang oleh Allah SWT. Ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, 49:11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّغَاتِ ۗ بَشِيرٌ أَلْسِنَةٌ غَدَاةٌ الْإِيمَانِ ۗ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemooh dan merendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemoohkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemooh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemoohkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu

panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.

9. Berkata benar dan bersuara dengan cermat

Setiap perkataan yang dilontarkan atau disampaikan di media sosial perlu disuarakan dengan benar untuk mengawal perkataan yang bercanggah dengan syarak yang membolehkan seseorang untuk berkata atau apa sahaja yang dia kehendaki atas nama kebebasan bersuara. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, 33:70-71:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ۗ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu.

Selain itu, hadith daripada Abi Hurairah R.A. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

Barangsiapa yang beriman dengan Allah SWT dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau diam. (al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. Sahih Bukhari. Kitab Al-Adab, Bab Ikram al-Dhaif wa Khidmatuhu Iyahu Binafsihi, no 6135 & Riwayat Muslim, Ibn Hujaj Abu al-Hasan. 1431H. Sahih Muslim. Kitab al-Luqatah. Bab ad-Diyafah wa Nahwuha, no 47.))

10. Mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran

Setiap komentar yang diajukan di media sosial perlulah selari dengan syarak iaitu menyuruh berbuat perkara ma'ruf dan melarang berbuat perkara mungkar. Justeru juga, sebagai medan dakwah dalam menyebarkan ilmu dengan kasih sayang serta menegur dengan penuh hikmah. Firman Allah SWT dalam Surah Ali-'Imran, 3:104:

وَلْتَكُنْ مِنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat

segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Selain itu, dalil hadith iaitu daripada Abu Said al-Khudri RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْبِرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ،
فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ.

Sesiapa di antara kamu melihat sesuatu kejahatan, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan lisannya, dan sekiranya tidak sanggup hendaklah dengan hatinya yang demikian itu (mengingkarkan dengan hati) adalah selemah-lemah iman. (Riwayat Muslim, Ibn Hujaj Abu al-Hasan. Sahih Muslim. Kitab al-Aiman. 1/69. No 49)

11. Menjaga adab dan akhlak Islam

Setiap perkataan yang dilontarkan perlu memelihara akhlak yang baik walaupun di media sosial dengan menghormati nilai moral dan etika yang diajarkan dalam Islam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Israa', 17:53:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ
بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا

Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

12. Bertanggungjawab atas setiap komen yang dilontarkan

Setiap perkataan atau komen yang dikongsikan di media sosial akan dicatat oleh para malaikat dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Oleh itu perlu berhati-hati dalam setiap aspek yang dilakukannya, termasuklah semasa memberi komen di media sosial. Islam menekankan tentang penggunaan lidah dan tangan hanya untuk kebaikan. Firman Allah SWT dalam Surah Qaaf, 50:17-18:

إِذْ يَتَلَفَّى الْمُتَلَفِّيْنَ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ قَعِيدًا ۝
مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya; yang satu duduk di sebelah

kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskan).

Selain itu, Nabi SAW memperingati umatnya supaya berhati-hati di dalam menyampaikan sesuatu berita seperti hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, sabda Nabi SAW:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ لَا يَرَى بِهَا بَأْسًا، يَهْوِي بِهَا
سَبْعِينَ خَرِيفًا فِي النَّارِ

Sesungguhnya seseorang terkadang berbicara dengan kata-kata yang dia sangkakan tidak mengapa, lalu (tanpa diduga) dia terjerumus dengan sebabnya ke dalam neraka (yang kedalamannya) sejauh perjalanan tujuh puluh tahun. (Riwayat al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. Sunan Al-Tirmizi. Kitab al-Zuhud. Bab Fiman Takallamu Bikalimah Yadhaku Biha an-Nas. No 2314.)

13. Mengelakkan perbalahan dan provokasi di media sosial

Pengguna media sosial dilarang daripada sengaja mencetuskan perbalahan, *troll* atau memanjangkan perdebatan yang tidak memberi faedah. Firman Allah SWT dalam Surah al-Furqaan, 25:63:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا
خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا

Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diinginkan.

14. Menyemai perpaduan dan toleransi dengan orang lain

Walaupun netizen hanya berkomunikasi di media sosial namun bahasa yang digunakan dalam menyatakan pandangan atau komen di media sosial tersebut hendaklah dengan lembut dan tidak menyinggung perasaan orang lain. Hal ini penting bagi memastikan perpaduan lebih utuh dan tidak berlaku perpecahan antara satu sama lain. Firman Allah SWT dalam Surah Ali-'Imran, 3:103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ
عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ
بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.

Garis panduan ini menunjukkan bagaimana kebebasan bersuara di media sosial perlu disalurkan dengan cara yang positif dan mengikut ajaran Islam. Hal ini kerana kebebasan bersuara merupakan satu amanah besar yang tidak boleh disalahgunakan. Dalam konteks media sosial, pengguna Muslim hendaklah mengamalkan prinsip *tabayyun* (penapisan maklumat), amar ma'ruf nahi mungkar, menjaga adab dan maruah, serta bertanggungjawab atas setiap kenyataan yang disebarkan. Al-Quran dan al-Hadith memberikan panduan yang jelas agar kebebasan ini menjadi alat penyebar kebaikan, bukan pemusnah perpaduan atau fitnah masyarakat.

KESIMPULAN

Kebebasan bersuara di media sosial adalah anugerah yang mesti dimanfaatkan dengan bijak. Dalam Islam, kebebasan ini diikat dengan tanggungjawab moral dan agama, selaras dengan syarak berasaskan prinsip usul fiqh dan kaedah fiqh. Dengan memastikan setiap ucapan di media sosial membawa manfaat dan mengelakkan kemudaratan, masyarakat dapat membina suasana yang harmoni dan diberkati. Pendidikan, penguatkuasaan undang-undang, dan bimbingan agama adalah elemen penting untuk mencapai tujuan ini.

Indikasi dari dalil-dalil melalui al-Quran dan al-Hadith, dan juga pandangan ulama-ulama sepertimana perbincangan di atas, menunjukkan bahawa hak kebebasan bersuara mempunyai asas yang cukup mantap. Ini kerana ia memainkan peranan penting khususnya bagi memastikan kebenaran dapat diserlahkan. Dalam kerangka Islam, sebarang bentuk ucapan yang membawa kemudaratan kepada agama, masyarakat, dan institusi perlu dikawal dengan prinsip-prinsip fiqh yang mantap.

Hasil penulisan ini diharapkan dapat membuka mata masyarakat dan memberi kesedaran kepada mereka tentang konsep kebebasan bersuara menurut Islam dan dapat mendidik masyarakat akan amalan yang betul terhadap kebebasan bersuara supaya dapat mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni dan bersatu padu.

RUJUKAN

- Al-Quran
 Abdul Karim Zaydan. 2006. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: *Al-Resalah Publishing House*. 230-235.
 Ahmad, N. M. 2023. Pelanggaran Hak Kebebasan Bersuara melalui Penghinaan terhadap Agama: Penilaian Kritis dari Perspektif Islam dan Undang-Undang di Malaysia: *Violation of the Right to Freedom of Speech through Religious Insults: A Critical Appraisal from the Perspective of Islam and Law in Malaysia*. *Sains Insani* 8(2): 257-267.
 Ariyati, M. 2024. Utama kemaslahatan manusia. *My Metro*, 19 Ogos 2024: <https://www.hmetro.com.my/rencana/2024/08/1124365/utama-kemaslahatan-manusia>. [20 Januari 2025].
 Ariyanti, M. 2024. Menangani salah faham kebebasan bersuara di alam siber. *Berita RTM* (31 Julai 2024): <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/menangani-salah-faham-kebebasan-bersuara-di-alam-siber>. [12 Januari 2025].
 al-Bāḥusayn, Ya'qūb Ibn 'Abd al-Wahhāb. 2007. *Al-Istihsān: Haqīqatuh - Anwā'uh - Hujjīyatuh - Taṭbīqātuh Al-Mu'āṣarah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd Nāshīrūn.
 al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1422H. *Sahih Bukhari*. Damsiyq, Dar Tuq al-Najah. 1/155.
 al-Ghazali. 1437H. *Kitab Ihya' Ulum al-Din*. Bab Amar Makruf Nahi Mungkar. Beirut, Dar al-Makrifah. 2/306-356.
 Hamizi, M. A. F. M. 2023. Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 15: 24-37.
 Ibnu Taimiyah. 1995. *Kitab Majmu' al-Fatawa*. Tahqiq Abd Rahman bin Muhammad
 Mahmood, A. R. B., Mahmood, A. M. B. & Kashim, M. I. A. B. M. 2010. Kebebasan Bersuara Dalam Hukum Dan Fatwa: Satu Analisis. *Jurnal Penyelidikan Islam* 23.
 Megat Al Imran, Y. 2020. Komen jelik bertebaran. *Harian Metro*, 24 September 2020: <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/09/623734/komen-jelik-bertebaran>. [11 Januari 2025].
 Mohamad Hashim Kamali. 1994. *Freedom of Expression in Islam*. Kuala Lumpur, Berita Publishing Sdn. Bhd.
 al-Muhaimi, Ahmad Jalal Hamid. 1987. *Huriyyah al-Ray' fi al-Maydan al-Siyasi*. Kaherah, Dar al-Wafa li al-Taiba'ah wa al-Nashr. Halaman 194-195
 Muhammad Fahmi, R. 2018. Undang-Undang Jalan Raya dan Kaitan dengan Dalil Masalah Mursalah. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 8 Mac 2018: <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/2335-irsyad-usul-al-feqh-siri-ke-21-undang-undang-jalan-raya-dan-kaitan-dengan-dalil-masalah-mursalah>. [12 Ogos 2025].
 Muslim, Ibn Hujaj Abu al-Hasan. 1431H. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.
 Norzilawati, S. 2022. Sultan zahir dukacita baca komen keterlaluan di media sosial. *Selangorkini*, 7 Oktober 2022: <https://selangorkini.my/2022/10/sultan-zahir-dukacita-baca-komen-keterlaluan-di-media-sosial/>. [11 Januari 2025].
 al-Qurtubi, Muhammad Ibn Ahmad. t.t. al-Jami'li Ahkam al-Qur'an, juz. 2. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab, hh. 57-58.
 Rabi', Ibn Hadi al-Mudkhali Hafizahullah. 1427H. *Huriyyah al-Ra'y*. 21 Safar 1427H.
 al-Shatibiyy. 1999. *Muwafaqat Fi Usul as-Syariah*. 2/324.
 Shodiqoh, R. 2024. Digital Ethics: Social Media Ethics in a Contemporary Islamic Perspective. *Solo International Collaboration and Publication of Social Sciences and Humanities* Vol.2, No.3,(2024): 215-226.

- al-Suyuti, Abdul Rahman bin Abi Bakar. 1990. *Kitab Al-Ashbah wa al-Nazair*. Dar al-Kutub al-Ilmiah. Halaman 7-100.
- al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. 1975. *Sunan Al-Tirmizi*. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Mutobaah Mustofa al-Babi al-Halbi.
- Wahbah al-Zuhaili. 2011. *Kitab al-Fiqh al-Islami wa Adillatu*. Cetakan 12. Damsyik, Dar al-Fikr. Jilid 4.
- Yusuf al-Qaradawi. 1997. *Fatawa Qaradhawi*. Batu Caves: ALBAZ Publishing & Distribution SDN BHD.